

06/08/1999

Pembangkang hanya pentingkan diri sendiri

GEORGETOWN, Khamis - Tindakan parti pembangkang menolak jemputan kerajaan menyertai Majlis Perundingan Ekonomi Negara Kedua (Mapen II) menunjukkan sikap sebenar parti itu yang mementingkan diri sendiri.

Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, berkata tindakan untuk memboikot dengan tidak menyertai Mapen II di kalangan pembangkang menunjukkan mereka tidak memikirkan langsung pembangunan generasi akan datang.

"Saya percaya inilah warna sebenar pembangkang di negara ini yang lebih gemar mengkritik kerajaan tetapi tidak pernah mahu memberi teguran dan idea membina dalam membangunkan negara," katanya ketika mengulas mengenai pelancaran Mapen II oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kuala Lumpur, semalam.

(END)